



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 Feb 2021 (Rabu)

Berita Harian

Selangor kecualikan Duti Hiburan masuk taman tema	1
Kes cemar Sungai Gong dibicara bermula 2 Jun	2
Pelbagai aktiviti guna tairah cemar Sungai Buloh	3
Hasil padi kurang kualiti	4

Utusan Malaysia

Pulau Besar sekat pemujaan, khurafat	5
Ibu Yati sahkan dipanggil polis	6

Harian Metro

Pois halang virus di kilang menular	7
-------------------------------------	---

Kosmo

Polis mulakan siasat 'Agama Melayu'	8
-------------------------------------	---

Sinar Harian

Bicara kes cemar Sungai Gong bermula Jun depan	9
Kurangkan duti hiburan taman tema	10
Padi bermutu elok potongan permutun tinggi	11
'Giliran kami ulang detik kejayaan'	12

Era FM

Cukai Hiburan Taman Tema Tahun 2021 Dalam Selangor Dikecualikan	13
---	----

Selangor TV

Covid-19: ADN Morib Sumbang Barang Keperluan	14
Kerajaan Digesa Beri Negeri Kuasa Tutup Kilang Punca Kluster Pekerja	15
MB Cadang Pembukaan Pusat Kuarantin Komuniti	16
MB Serah 14 Tablet Untuk Petugas Barisan Hadapan PKRC MAEPS	17
MB: Sidang Dewan Negeri Akan Diadakan Jika Keadaan Mendesak	18
Pengecualian Penuh Duti Hiburan Taman Tema	19
Sambutan Norma Baharu, Kekalkan Kemeriahan	20
Selangor Bincang Pembelian Dan Agihan Vaksin Ikut Saranan KKM	21
Taman Tema Negeri Terkecuali Cukai Hiburan Sejak 18 Mac 2020	22

Sinar FM

Selangor Setuju Kurangkan Kadar Duti Hiburan Di Taman Tema	23
--	----

Suria FM

Selangor Setuju Kurangkan Kadar Duti Hiburan Di Taman Tema	24
--	----

The Star

ASSESSMENT TASK	25
MPK gets tough on factories for cramped workers' dorms, poor hygiene	26
Energy Commission spells out guidelines for approval	27
Councillor: Long-term solution needed for uneven tiling problem	28
The other pandemic	29

New Straits Times



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



5 accused to face trial in June	30
The Sun	
Tax exemption for S'gor theme park tickets	31
Five to stand trial for polluting river	32
BFM89.9	
Entertainment Tax On Entrance Ticket To Theme Parks Fully Exempted	33
Traxx FM (90.3)	
Entertainment Tax On Entrance Ticket To Theme Parks Fully Exempted	34
Sin Chew Daily	
Lau Weng San and MPKL Councillors visit Jenjarom village and giving CNY decorations	35
Rajiv: Petaling District 11 and 12 have set up small trash cans to prevent littering	36
Oriental Daily	
Selangor exempts theme park entertainment tax	37
Guang Ming Daily	
Selangor government encourages people to watch CNY variety shows at home, "Golden Ox Welcomes Spring" will be broadcast online on the first day of CNY.	38
Malaysia Nanban	
Develop information sharing ways	39
Tamil Malar	
Selangor government helps less fortunate people	40
RTM2	
Cukai Hiburan Taman Tema Tahun 2021 Dalam Selangor Dikecualikan	41



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
3 February 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor kecualikan Duti Hiburan masuk taman tema
Muka Surat	:	9

Selangor kecualikan Duti Hiburan masuk taman tema



Kelonggaran jamin kelangsungan industri, bela nasib pekerja

Oleh Norzamira Che Noh
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan Selangor bersetuju memberikan pengecualian penuh ke atas Duti Hiburan bagi bayaran masuk ke taman tema di negeri ini, berkuat kuasa 18 Mac tahun lalu sehingga 31 Disember 2021.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata pelaksanaan

itu akan memberi anggaran impak kewangan RM26.35 juta kepada kerajaan negeri.

"Kerajaan negeri juga bersetuju mengurangkan kadar Duti Hiburan daripada 25 peratus kepada lima peratus ke atas setiap bayaran masuk ke taman tema di Selangor selama lima tahun berkuat kuasa 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2026.

"Implikasi daripada pengurangan kadar ini, kerajaan negeri dianggar akan kehilangan hasil sebanyak RM21.04 juta setahun untuk tempoh lima tahun itu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pengecualian diberi susulan penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac tahun lalu sudah

memberi kesan kepada pelbagai sektor.

Ini termasuk pengangkutan dan pelancongan, terutama pendapatan pengusaha taman tema memandangkan ia terpaksa ditutup dan tidak dapat beroperasi sepenuhnya.

Amirudin berkata, pengusaha taman tema adalah antara penggerak utama dalam merencanakan industri pelancongan di Selangor yang turut meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat, terutama generasi muda menerusi peluang pekerjaan.

Katanya, perkembangan industri pelancongan berbentuk taman tema akan mempunyai kesan berganda ke sektor pelancongan lain seperti agensi pelancongan, perhotelan, pengangkutan dan sebagainya.

"Pengusaha taman tema memerlukan 'kos pelaburan semula' yang tinggi berbanding pengusaha premis hiburan yang lain.

"Pengecualian ini diberi selepas mengambil kira bilangan taman tema yang menjadi tarikan pelancongan di Selangor seperti di Shah Alam, Putrajaya, Sunway dan Bangi serta bebanan kewangan dihadapi sejak pelaksanaan PKP.

"Diharapkan kelangsungan industri dan perniagaan akan lebih terjamin serta nasib pekerja, terutama dalam sektor pelancongan lebih terbelas dengan kelonggaran ini," katanya.

Amirudin berkata, kerajaan negeri akan terus mencari penyelesaian terbaik bagi membantu meringankan kesusahan rakyat menghadapi saat getir ini.

Pengecualian ini diberi selepas ambil kira bilangan tarikan pelancongan di Selangor seperti di Shah Alam, Putrajaya, Sunway dan Bangi serta bebanan kewangan dihadapi sejak pelaksanaan PKP.

Amirudin Shari,
 Menteri Besar Selangor



KERATAN AKHBAR
3 February 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kes cemar Sungai Gong dibicara bermula 2 Jun
Muka Surat	:	14

Kes cemar Sungai Gong dibicara bermula 2 Jun

Selayang: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menetapkan enam hari bermula 2 Jun ini untuk perbicaraan kes lima lelaki termasuk empat beradik yang didakwa melakukan pencemaran air di kawasan perindustrian Sungai Gong, Rawang, tahun lalu.

Terdahulu, kes terhadap empat pengarah sebuah syarikat yang juga adik-beradik iaitu Yip Kok Wai, 52; Yip Kok Mun, 58; Yip Kok Kuin, 50; dan Yip Kok Weng, 60, serta pengurus syarikat sama, Ho Voon Leong, 59, ditetapkan untuk sebutan semula, semalam.

Timbalan Pendakwa Raya, Siti Rohaida Che Hamid, ketika ditemui media berkata, pihak pendakwaan sudah menyerahkan semua dokumen membabitkan kes itu semalam.

“Sehubungan itu, mahkamah menetapkan 2, 3, 9, 10, 17 dan 22 Jun untuk tarikh perbicaraan kes.

“Kes didengar dan dibicarakan di hadapan Hakim Maziah Joary Mohd Tajudin,” katanya.

Pihak pendakwaan dijangka memanggil 20 orang saksi bagi memberi keterangan.

Sementara itu, Datuk M Reza Hassan yang mewakili kelima-lima tertuduh ketika ditemui di luar mahkamah, mengesahkan perkara itu.

Bagi pertuduhan pertama, mereka didakwa melakukan khianat dengan menyebabkan bahan buangan yang mengandungi bahan berbahaya dari bengkel Yip Chee Seng & Sons Sdn Bhd dilupuskan ke dalam alur air yang mana akan mengalir ke Sungai Gong dengan mengetahui ia akan menyebabkan susut bekalan air bagi minuman manusia.

Lima lelaki itu didakwa melakukan kesalahan di premis berkenaan di Kampung Sungai Dua, Rawang, di sini, antara 2 dan 3 September tahun lalu dan didakwa mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara maksimum 30 tahun atau denda atau kedua-duanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
3 February 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pelbagai aktiviti guna tanah cemar Sungai Buloh
Muka Surat	:	14

Pelbagai aktiviti guna tanah cemar Sungai Buloh

5,000 lokasi terletak dalam jarak 50 meter di sepanjang lembangan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
 ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lebih 5,000 lokasi yang terletak dalam jarak 50 meter di sepanjang lembangan Sungai Buloh di sini, dikesan menempatkan pelbagai aktiviti guna tanah sehingga memberi kesan kepada alam sekitar.

Kegiatan itu menyebabkan sungai berkenaan terus tercemar dengan sisa buangan perindustrian sejak hampir 10 tahun lalu.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Haslina Amer, berkata pengubahsuaian alam semula jadi di sungai itu dikesan meningkat dengan drastik sejak tahun 2012.

Malah, katanya, aktiviti guna tanah itu termasuk turut memabatkan industri yang tidak di-

benarkan, seperti kilang haram. Beliau berkata, penemuan itu berdasarkan kajian terbaru agensi dan akan didedahkan dalam masa terdekat untuk tindakan lanjut beberapa agensi penguatkuasaan dan kerajaan.

Katanya, antara lokasi perindustrian di sepanjang Sungai Buloh itu adalah Kawasan Industri Kampung Jaya Sungai Buloh, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Sungai Buloh, Kawasan Perindustrian Kampung Baru Sungai Buloh, kilang membuat batu-bata di Kampung Merbau Sempak Tambahan dan Kawasan Perindustrian Ijok.

"Di sepanjang lembangan sungai itu juga dianggarkan terdapat 35 loji rawatan kumbahan berikutan pembangunan pesat kawasan perumahan.

"Aktiviti pertanian dan penternakan juga tinggi di situ. Aliran air permukaan dari ladang kelapa sawit berpotensi membawa sisa baja dan racun, seterusnya memberi kesan ke atas kualiti air Sungai Buloh.

"Pelepasan najis serta efluen penternakan tanpa rawatan juga memberi kesan bagi parameter Ammoniakal Nitrogen (AN)," katanya kepada BH.

BH sebelum ini mendedahkan,

pencemaran Sungai Buloh semakin kritikal sehingga menyebabkan hidupan air seperti kerang di muara sungai itu semakin pupus disebabkan kualiti air yang semakin menurun sejak 10 tahun lalu.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) kemudian mengesahkan, kira-kira 4,000 kilogram sisa pepejal tidak terlarut hasil kumbahan serta buangan industri dikesan memasuki Sungai Buloh pada setiap hari.

Malah, sejumlah 3,700kg Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) dan 11,000kg Keperluan Oksigen Kimia (COD) turut dikesan dalam sungai berkenaan setiap hari.

Haslina berkata, LUAS sudah membuat Kajian Kebersihan Sungai Buloh pada tahun 2012 dan kajian seterusnya dilakukan pada 2019 untuk menentukan tindakan penguatkuasaan terhadap industri yang beroperasi pada jarak 50 meter dari sungai itu.

"Pada 2012 kajian persampelan dilakukan dan ketika itu LUAS sudah mengambil inisiatif yang diperlukan memandangkan pada ketika itu pun situasi di Sungai Buloh agak kritikal dengan perindustrian yang banyak.

"Tahun 2019 kajian 'inventory' di kawasan rizab sungai. Kita me-



Laporan BH 24, Disember tahun lalu.

ngenal pasti kawasan guna tanah di rizab sungai dan akan menyelaraskan agensi bagi mengurangkan masalah pencerooban yang berlaku pada jarak 50 meter di kiri dan kanan sungai itu, malah melakukan pemutihan kilang haram," katanya.

Katanya, LUAS juga bercadang melaksanakan kajian lanjut berhubung kejadian air berwarna hitam di Sungai Buloh disebabkan oleh kewujudan dasar sungai kehitaman untuk mencari punca kejadian.

Beliau mengakui situasi di di lembangan Sungai Buloh akan bertambah buruk jika tiada tindakan segera dilakukan pelbagai

pihak bertanggungjawab. "Kebanyakan kawasan di sepanjang sungai itu dikenal pasti berada dalam tahap tiga (memerlukan rawatan intensif) contohnya di Sungai Hampar, (anak sungai) Hospital Sungai Buloh, Paya Jaras, Kubu Gajah, Ijok, Parit Mahang dan Jeti Sungai Buloh," katanya.

Haslina turut menafikan LUAS tidak mengambil tindakan segera berhubung pencemaran Sungai Buloh kerana lembangan sungai itu tidak membekalkan sumber air kepada penduduk Lembah Klang, sebaliknya tanggungjawab agensi itu adalah menjaga semua sumber air di Selangor.



KERATAN AKHBAR
3 February 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Hasil padi kurang kualiti
Muka Surat	:	26

Hasil padi kurang kualiti

Pengilang ada SOP ketika proses pemotongan pemutuan dilakukan

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
 bhnews@bh.com.my

Sungai Besar: Isu pemotongan pemutuan padi sehingga mencecah 40 peratus, didapati berpunca daripada hasil tuaian yang kurang berkualiti termasuk mengandungi lebih banyak padi muda atau hampa.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabak, Ahmad Mustain Othman, berkata pihaknya difahamkan, pengilang mempunyai prosedur operasi standard (SOP) tersendiri ketika proses pemotongan pemutuan dilakukan.

"Sekiranya mutu padi berkualiti, pengilang tidak sesuka hati hendak melakukan pemotongan pemutuan tinggi sehingga menjejaskan pendapatan pesawah," katanya selepas melakukan tinjauan di Pukul Padi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Parit 9, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Mustain berkata, terdapat beberapa faktor hasil tuaian padi kurang berkualiti seperti padi ditanam pesawah di kawasan itu diserang penyakit ulat batang.

"Saya difahamkan, penyakit ini (ulat batang) menyerang tanaman padi ketika hanya kira-kira 20 hari sahaja lagi padi hendak dituai yang menyebabkan pokok padi rosak.

"Oleh itu, pesawah perlu me-



Ahmad Mustain (tengah) bersama Ramli (kiri) meninjau hasil padi yang dihantar ke Pukul Padi PPK Parit 9, Sungai Besar, semalam. (Foto ihsan FB Mustain Othman)

Sekiranya mutu padi berkualiti, pengilang tidak sesuka hati hendak melakukan pemotongan pemutuan tinggi sehingga menjejaskan pendapatan pesawah.

Ahmad Mustain Othman,
 ADUN Sabak

mastikan perkara seperti ini tidak berulang dalam memastikan hasil tuaian berkualiti pada masa depan," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta Jabatan Pertanian untuk memastikan masalah yang sama tidak berterusan menghantui pesawah serta memastikan bantuan dan masalah pesawah diberi perhatian serius.

"Kita minta beberapa aspek perlu diberi tumpuan pihak berkaitan seperti sistem pengaliran yang baik serta bantuan input pertanian lain bagi meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi sehingga sembilan tan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi PPK Sungai Besar, Datuk Ramli Norani, berkata pihaknya mencadangkan kerajaan Selangor supaya membina kilang memproses beras dalam usaha menangani isu pemotongan pemutuan padi.

Katanya, kilang itu bakal berperanan sebagai pusat belian padi daripada pesawah sekitar Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor.

"Kita mencadangkan Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya membuka dua kilang di sekitar IADA Barat Laut yang secara tidak langsung dapat menangani isu penindasan dan manipulasi harga pada masa sekarang," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 3 February 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pulau Besar sekat pemujaan, khurafat
Muka Surat	:	12

Pulau Besar sekat pemujaan, khurafat

MELAKA: Beberapa kumpulan yang sering menjadikan Pulau Besar di sini sebagai lokasi melakukan sesuatu upacara ritual, kini dalam pemantauan pihak berkuasa agama negeri.

Menegaskan perkara itu, Mufti Melaka, Datuk Abdul Halim Tawil berkata, mereka terdiri daripada kumpulan berasaskan persilatan, perbomohan dan tarekat.

Beliau berkata, Jabatan Agama

Islam Melaka (JAIM) sentiasa memantau kehadiran pengunjung ke situ memandangkan pulau berkenaan begitu sinonim dengan upacara sedemikian.

“Kita mengenal pasti beberapa kumpulan menjalankan majlis-majlis tertentu. Saya tidak mahu menyatakan mana-mana kumpulan tetapi secara umumnya Pulau Besar menjadi tarikan kepada kumpulan persilatan, perbomo-

han, tarekat untuk bersuluk.

“Macam-macam, mereka punyai kepercayaan, pandangan dan sebagainya terhadap Pulau Besar. Nama saya tak nak sebut tapi dalam pemantauan kami,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berkenaan upacara ritual memabitkan kumpulan ‘Islam Melayu’ yang tular

dalam media sosial baru-baru ini.

Sebelum ini Pengarah JAIM, Datuk Md. Azhan Samat mengesahkan perkara itu berlaku di Pulau Besar pada hujung tahun lalu.

Mengulas berkenaan status siasatan terhadap kumpulan Islam Melayu terbabit, Abdul Halim berkata, siasatan dijalankan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memandangkan kumpulan itu bertapak di Selangor.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
3 February 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Ibu Yati sahkan dipanggil polis
Muka Surat	:	13

Ibu Yati sahkan dipanggil polis

PETALING JAYA : Bekas wartawan Wan Norhayati Wan Alias, 41, mengesahkan dirinya telah pun dipanggil Polis Diraja Malaysia (PDRM) semalam berhubung dakwaan yang mengaitkan dirinya membawa ajaran sesat Agama Melayu.

Bagaimanapun, bekas wartawan yang dikenali Ibu Yati itu memberitahu, sehingga kini, dirinya masih belum dipanggil Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mahu pun Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi menjelaskan segala tohmahan yang dibuat terhadapnya.

Memberitahu *Utusan Malaysia*, kata beliau, dia berani bersumpah bahawa dirinya tidak pernah mewujudkan ajaran atau pun agama baharu seperti mana yang didakwa.

Jelasnya, sepanjang pertemuan dengan PDRM, dia telah memberi kerjasama yang baik selain



WAN Norhayati Wan Alias atau Ibu Yati.

PDRM juga dilihat berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan.

“Tidak ada ajaran Ibu Yati, tidak ada agama baharu. Saya tidak wujudkan Agama Melayu. Ini satu pembohongan dan fitnah ke atas saya serta satu tohmahan.

Saya tidak pernah wujudkan apa-apa ajaran baharu atau Ajaran Melayu.

“Bayangkan, selepas kenyataan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Nasruddin Hassan mendakwa saya membawa ajaran sesat, membawa agama baharu, saya langsung tidak diberi peluang untuk menjelaskan mengenai perkara itu,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mengulas lanjut, kata Wan Norhayati, disebabkan tohmahan yang dilemparkan terhadap dirinya menyebabkan ada yang mengugut mahu membunuhnya.

“Apa yang boleh saya nyatakan di sini, sebelum menularkan video kononnya saya membawa ajaran sesat, bertanyalah dahulu apakah isi kandungan video yang telah dirakam adakah ia satu rakaman video lakonan untuk menaikkan *rating* di Youtube atau apa-

kah adat istiadat yang ada dalam rakaman video berkenaan?”

“Saya berani bersumpah dan berani tampil untuk membuat ujian poligraf bagi mengesan sama ada terdapat pembohongan dalam apa yang saya katakan selain saya juga ingin mencabar pihak sana tampil membuat ujian poligraf ini bagi menjelaskan bahawa apa yang dinyatakan bukan bermaksud untuk memfitnah saya,” jelasnya.

Terdahulu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin mendedahkan bahawa polis telah membuka kertas siasatan terhadap individu bernama Ibu Yati yang dikatakan membawa ajaran sesat Agama Melayu.

Katanya, siasatan lanjut akan dibuat agensi itu selain akan mengadakan perbincangan dengan Peguam Negara jika ada kesalahan dilakukan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 February 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pois halang virus di kilang menular
Muka Surat	:	11

Shah Alam: Mutakhir ini Selangor mencuri tumpuan negara apabila 'menjuarai' carta kes harian baharu Covid-19 dengan bilangan kes positif dalam jumlah empat angka setiap hari. Sehingga kini, negeri yang mempunyai kepadatan 6.7 juta penduduk dengan kira-kira sejuta pekerja asing itu merekodkan hampir 70,000 jumlah kumulatif kes positif Covid-19 dan 156 kematian setakat 1 Februari yang kebanyakannya disumbang oleh kluster tempat kerja serta kilang. Berikutan peningkatan mendadak kes Covid-19 di Selangor, kerajaan negeri mengambil beberapa langkah bagi melandaikan semula keluk pandemik itu antaranya melaksanakan program *Preventing Outbreak at Ignition*

Pois halang virus di kilang menular

Site (Pois) bagi menghalang penularan virus itu di kilang-kilang seluruh negeri selain menambah 50,000 lagi ujian saringan. Malah, kerajaan negeri turut mencadangkan kepada kerajaan Persekutuan supaya menutup kilang yang menyembunyikan kes positif dalam kalangan pekerja atau tidak bekerjasama untuk pengesanan kontak rapat. Pakar kesihatan menyifatkan beberapa inisiatif kerajaan negeri seperti Pois itu sebagai proaktif namun pendekatan bersifat jangka panjang perlu disegerakan terutama mempercepatkan perolehan vaksin. Pakar Perubatan Kesihatan



Kajian terhadap suntikan vaksin masih lagi kurang jelas sama ada ia mampu untuk mencegah keseriusan penyakit atau mendapat jangkitan"

Dr Zaliha Ismail

Awam Prof Madya Dr Zaliha Ismail berkata, cadangan kerajaan negeri membeli sendiri tiga hingga lima juta dos vaksin bagi rakyat negeri itu adalah usaha jangka masa panjang yang dilihat perlu disegerakan bagi melandaikan keluk jangkitan

Covid-19. "Walaupun vaksin berkenaan belum terbukti mencegah jangkitan Covid-19 dalam kalangan komuniti, namun ia sekurang-kurangnya mampu membendung pandemik itu daripada terus menjadi serius," katanya yang berkhidmat di Fakulti Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Sungai Buloh. "Ini kerana pesakit perlu mengambil masa 21 hari untuk melengkapkan dua dos suntikan. Kajian terhadap suntikan vaksin masih lagi kurang jelas sama ada ia mampu untuk mencegah keseriusan penyakit atau mendapat jangkitan. Kita

mungkin masih boleh dijangkiti," katanya. Bagi Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia Datuk Dr Zainal Ariffin Omar pula, sudah tiba masanya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merangka strategi baharu menangani penularan pandemik Covid-19. Menyifatkan langkah dilaksanakan kini agak 'longgar' kerana negara tidak lagi boleh melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepenuhnya seperti tahun lalu, beliau berkata, strategi baharu perlu diwujudkan dengan membabitkan pakar kesihatan dalam negara agar proses sumbang saran daripada pelbagai aspek dapat dijalankan. - Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 3 February 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Polis mulakan siasat 'Agama Melayu'
Muka Surat	:	13

Jakim ambil kira pandangan JAIS sebelum sebarang tindakan diambil

Polis mulakan siasat 'Agama Melayu'

Oleh SUBKHI SUDARJI

PUTRAJAYA – Polis telah membuka kertas siasatan terhadap seorang pemilik akaun Facebook berhubung ajaran sesat 'Agama Melayu' yang didakwa bercanggah dengan Agama Islam.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, beliau telah berbincang mengenai perkara itu dengan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Uzir Mohamed, pagi semalam.

"Polis akan membuat siasatan lanjut dan mengadakan perbincangan dengan Peguam Negara jika ada kesalahan dilakukan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Kosmo! pada Sabtu lalu melaporkan orang ramai dinasihatkan agar tidak terpengaruh dengan ajaran baharu dikenali sebagai 'Agama Melayu' yang didakwa sebagai sesat lagi menyesatkan.

Agama Melayu itu dikatakan menggunakan lafaz syahadah



HAMZAH

yang pelik dan disambung dengan pengakuan 'Aku Melayu' sebanyak tujuh kali.

Ajaran itu juga menolak ajaran Islam yang dianggap sebagai Islam Arab kononnya mereka

membawa Islam Melayu.

Dalam pada itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, beliau mempunyai mekanisme dalam



KERATAN Kosmo! 30 Januari 2021.

penentuan sesuatu ajaran sesat.

Katanya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan mengambil kira pandangan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebelum membuat keputusan berhubung ajaran 'Agama Melayu' yang didedahkan sebelum ini.

"Situasi ini perlu dibuat supaya apa yang kita lakukan itu benar-benar tepat dan tidaklah dianggap gopoh serta tidak mempunyai maklumat.

"Saya cukup berhemah dan berhati-hati dalam masalah ini. Melainkan perkara itu perkara yang jelas atau telah dikeluarkan satu fatwa atau warta barulah tidak dibenarkan," kata-

nya selepas Majlis Pelancaran Musaadah PKP 2.0 dan Misi Bantuan Pasca Banjir di sini semalam.

Dalam pada itu, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Nasrudin Hassan enggan melayan tuntutan individu yang dikatakan membawa 'Agama Melayu' yang memintanya mohon maaf kerana memfitnah dirinya.

Sebaliknya beliau dalam nada tegas meminta individu tersebut untuk tampil meminta maaf secara terbuka kerana penulisan yang dianggap mengelirukan dan mendatangkan kecelaruan fahaman umat Islam.

Nasrudin berkata, beliau difahamkan sehingga kini, 10 laporan polis telah dibuat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terhadap 'Agama Melayu'.

"Pada saya, sepatutnya dia yang kena mohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia terutama umat Islam kerana banyak kenyataan disiarkan selama ini memberi kekeliruan," tegasnya.



KERATAN AKHBAR

3 February 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bicara kes cemar Sungai Gong bermula Jun depan
Muka Surat	:	21

Bicara kes cemar Sungai Gong bermula Jun depan

SELAYANG - Mahkamah Sesyen di sini menetapkan perbicaraan kes lima lelaki termasuk empat beradik yang didakwa atas pertuduhan melakukan pencemaran air di kawasan perindustrian Sungai Gong, Rawang pada tahun lalu berlangsung selama enam hari bermula Jun depan.

Perkara itu dimaklumkan Timbalan Pendakwa Raya, Siti Rohaida Che Hamid selepas prosiding kes di hadapan Hakim, Maziah Joary Mohd Tajudin pada Selasa.

Lima tertuduh itu ialah empat pengarah sebuah syarikat yang juga adik-beradik iaitu Yip Kok Wai, 52, Yip Kok Mun, 58, Yip Kok Kuin, 50, dan Yip Kok Weng, 60, serta seorang pengurus syarikat yang sama, Ho Voon Leong, 59.

Siti Rohaida berkata, tarikh perbicaraan ditetapkan pada 2, 3, 9, 10, 17 dan 22 Jun depan.

Dalam prosiding itu, kelima-lima tertuduh diwakili Datuk M Reza Hassan.

Pada September tahun lalu, Mahkamah Tinggi Shah Alam di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Norsharidah Awang membenarkan setiap tertuduh diikat jamin sebanyak RM400,000.

Mengikut pertuduhan pertama, mereka didakwa dengan niat bersama telah melakukan khianat dengan menyebabkan bahan buangan yang mengandungi bahan berbahaya dari Bengkel Yip Chee Seng & Sons Sdn Bhd dilupuskan ke dalam alur air.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa dengan niat bersama telah melepaskan bahan buangan sama dari bengkel sama tanpa lesen.

Isu tersebut turut mendapat perhatian Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang menzahirkan rasa dukacita baginda terhadap impak yang terpaksa ditanggung rakyat di negeri itu susulan gangguan bekalan air selama beberapa hari.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 3 February 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kurangkan duti hiburan taman tema
Muka Surat	:	24

Kurangkan duti hiburan taman tema

Selangor bakal hilang hasil RM21.04 juta setahun

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor bersetuju mengurangkan kadar duti hiburan daripada 25

peratus kepada 5 peratus bagi setiap pembayaran masuk ke taman tema di negeri ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pengurangan kadar duti hiburan itu adalah untuk tempoh selama lima tahun bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2026.



AMIRUDIN

Katanya, Kerajaan Selangor bakal kehilangan hasil sebanyak RM21.04 juta setahun susulan implikasi daripada pengurangan kadar ini.

"Diharap kelangsungan industri dan perniagaan akan lebih terjamin serta nasib pekerja terutama dalam sektor pelancongan akan terbela dengan kelonggaran ini.

an ini.

"Kerajaan negeri akan terus mencari penyelesaian terbaik bagi membantu meringankan kesusahan rakyat saat getir ini," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, penularan wabak Covid-19 memberi kesan kepada banyak sektor termasuk pelancongan yang turut membabitkan pengurusan taman tema di negeri ini.

Katanya, pengusaha taman tema juga merupakan antara pemain industri dalam merencanakan sektor pelancongan di Selangor.

"Pengusaha taman tema memerlukan 'reinvestment cost' yang tinggi berbanding pengusaha premis hiburan lain.


"Mereka memerlukan pelaburan tinggi dalam pengubahsuaian, penambahbaikan fasiliti dan tarikan baharu buat pengunjung," katanya.



KERATAN AKHBAR
3 February 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Padi bermutu elok potongan pemutuan tinggi
Muka Surat	:	24

Padi bermutu elok potongan pemutuan tinggi



Ahmad Mustain (tengah) bersama Ramli (kanan) menunjukkan hasil padi yang dihantar ke Pukal Padi PPK Parit 9 di sini pada Selasa.

SUNGAI BESAR - Pesawah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabak dinasihatkan supaya memastikan padi yang dihantar ke kilang berkualiti bagi mengelakkan isu pemotongan pemutuan padi sehingga mencecah 40 peratus.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabak, Ahmad Mustain Othman berkata, beliau yang membuat tinjauan mendapati hasil tuaian dihantar ke kilang mengandungi lebih banyak biji padi muda atau hampa padi.

Menurutnya, pihak pengilang mempunyai prosedur operasi standard (SOP) tersendiri semasa proses pemotongan pemutuan dilakukan.

“Sekiranya mutu padi berkualiti, pihak pengilang tidak sesuka hati hendak melakukan pemotongan pemutuan tinggi sehingga menjejaskan pendapatan pesawah,” katanya ketika ditemui pada sidang akhbar selepas melakukan tinjauan di Pukal Padi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Parit 9 di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Ahmad Mustain berkata, beberapa faktor menyebabkan hasil tuaian padi kurang berkualiti antaranya padi yang ditanam pesawah di kawasan terbabit diserang penyakit ulat batang.

“Saya difahamkan penyakit ini menyerang tanaman padi ketika hanya 20 hari sahaja lagi padi hendak dituai hing-

ga menyebabkan pokok padi rosak.

“Justeru, pesawah perlu memastikan perkara seperti ini tidak kembali berulang dalam memastikan hasil tuaian mereka berkualiti pada masa depan,” katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Mustain berkata, Jabatan Pertanian juga diminta agar dapat memastikan masalah sama tidak terus menghantui pesawah selain memastikan segala bantuan dan masalah pesawah diberi perhatian serius.

“Kita meminta beberapa aspek perlu diberi tumpuan pihak berkaitan seperti sistem pengaliran yang baik serta bantuan input pertanian lain bagi meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi sehingga sembilan tan metrik,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi PPK Sungai Besar, Datuk Ramli Norani berkata, pihaknya mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya membina kilang memproses beras dalam usaha menangani isu pemotongan pemutuan padi.

Katanya, kilang itu nanti berperanan sebagai pusat belian padi daripada pesawah sekitar Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor.

“Kita mencadangkan kerajaan negeri melalui anak syarikatnya membuka dua buah kilang di sekitar IADA Barat Laut yang secara tidak langsung dapat menangani isu penindasan dan manipulasi harga yang dihadapi pesawah,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 3 February 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Giliran kami ulang detik kejayaan'
Muka Surat	:	39

'Giliran kami ulang detik kejayaan'

SELANGOR FC seolah-olah mendapat aura 'sang juara' sebaik menyarung jersi baharu yang diinspirasi daripada jersi ketika *The Red Giants* menjuarai final Piala Malaysia 1986, lapor **MUHAMMAD ZAKAWAN NAZARALY**.

Pemain tengah Selangor FC, Brendan Gan berkata, dia dan rakan-rakan sepasukannya kini semakin bersemangat untuk mengulangi kejayaan gemilang yang pernah dinikmati barisan legenda Merah Kuning suatu ketika dahulu.

"Jersi yang pernah dipakai oleh legenda (Selangor) yang membawa kebanggaan, yang melebihi jangkauan dan kisah tersebut akan kekal sampai bila-bila.

"Kami mempunyai ba-

nyak perbezaan tetapi kami mempunyai cinta yang sama untuk bola sepak, rasa lapar yang sama untuk berjaya dan sikap rajin yang sama yang pernah ditunjukkan oleh legenda ini dalam warna-warna jersi ini.

"Sekarang giliran kami untuk mencipta semula detik-detik itu," katanya dalam satu hantaran di laman Facebook peribadinya.


Terdahulu, Selangor FC secara rasminya melancarkan jersi home (tuan rumah) bagi musim 2021 secara digital di kesemua platform sosial media Gergasi Merah pada malam Isnin.

Menerusi kenyataan Selangor FC, 'Legasi Mokhtar Dahari' menjadi elemen utama dalam rekaan jersi itu yang diinspirasi daripada

Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari - salah seorang legenda Selangor dan ikon bola sepak Malaysia.

"Warna jersi merah, kuning dan hijau di jersi ini diambil daripada bendera Raja Muda Selangor sebagai penghormatan kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang pada ketika itu Raja Muda Selangor serta penyokong nombor satu pasukan Selangor.

"Pengurusan Selangor FC berharap jersi home musim 2021 ini dapat membawa aura kejuaraan serta meniup semangat perjuangan yang tinggi kepada semua pemegang taruh Selangor FC dalam misi memburu kejayaan pada tahun ini," kata kenyataan itu.



Brendan (dua dari kanan) dan rakan-rakan sepasukannya ketika memperagakan jersi baharu Selangor FC.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
2 February 2021

Akhbar	:	Era FM
Tajuk Berita	:	Cukai Hiburan Taman Tema Tahun 2021 Dalam Selangor Dikecualikan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



